

Tidak mahu buang masa untuk tadbir negara

# Anwar tidak peduli kecaman, sindiran

Oleh FADZIL ZAINOL  
dan ASLIZA MUSA  
utusannews@mediamulia.com.my

**PADANG RENGAS:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, beliau tidak peduli kecaman dan sindiran mengenai dirinya tidak mengambil gaji kerana tidak mahu membuang masa dalam mentadbir negara.

Beliau juga tidak terkesan dengan penggunaan perkataan seperti ketimbang yang menjadi bahan sindiran beberapa pihak selepas pembentangan Belanjawan 2024 pada 18 Oktober lalu.

“Di Parlimen semasa Belanjawan 2025, saya tidak kecam dan maki orang. Saya pakai songkok senget sedikit pun dia marah, pakai baju Melayu dan capal pun dia kata tak kena. Kemudian saya guna istilah baharu macam ketimbang pun dia tidak faham.

“Kita menjadi pemimpin, kita tingkatkan penguasaan bahasa. Dulu tiada perkataan alaf, saya gunakan. Dulu tiada perkataan mampan dan telus saya perkenalkan. Tidak popular perkataan kesenjangan, kita popularkan. Kita didik bahasa anak-anak supaya menggunakan bahasa (Melayu),” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Masyarakat Padang Rengas di Arena Square Pekan Isnin di sini semalam yang dihadiri lebih 2,000 pengunjung.

Anwar berkata, sebagai Perdana Menteri, dirinya mahu memberi tumpuan penuh ke-



ANWAR Ibrahim melepaskan peserta *Rainforest Challenge (RFC) Madani Care for Nature* di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, di Ipoh, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

pada pembangunan negara serta mengurangkan kemiskinan rakyat.

Katanya, beliau tiada masalah tidak mengambil gaji Perdana Menteri kerana bukan tergolong dalam kategori miskin, dan masih menikmati elaun Ahli Parlimen serta kemudahan lain untuknya berkhidmat sebagai pemimpin negara.

“Sebelum ini ada pemimpin Menteri Kewangan yang harta berbilion-bilion, gaji ambil juga. Saya tidak ambil sebab apa, sebab saya rasa sudah berhempas pulas berjuang, masuk keluar penjara, kena terajang, kena maki hamun, fitnah dan diaibkan berpuluh tahun.

“Sekarang ‘Allah takdirkan saya menjadi Perdana Menteri, maka buatlah sebaiknya, jan-

gan fikir soal diri, tetapi fikir soal rakyat. Ini yang saya hendak buat,” katanya.

Jelasnya, kehadiran beliau ke Padang Rengas sendiri adalah untuk melihat kehidupan rakyat di luar bandar dan mahu golongan tersebut tidak terlepas pandang oleh pentadbirannya.

Kehadirannya juga menyaksikan beberapa geran diserahkan kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk membiayai beberapa projek setempat.

Sementara itu di Ipoh, Perdana Menteri meluangkan masa menyempurnakan perasmian *Kempen Rainforest Challenge (RFC) Madani Care for Nature* di Taman Eko Rimba Kledang Saiong.